

**Pembangking Sedia Jumpa Pengerusi SPR Bincang Pilihan Raya Umum
Bernama
23 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Semua pemimpin parti pembangkang - Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP dan PAS, bersedia berjumpa Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Yusof untuk berbincang mengenai tarikh sesuai bagi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), kata Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata demikian pada sidang media di bangunan Parlimen di sini Rabu.

Anwar mengulas kenyataan Abdul Aziz bahawa SPR akan menemui semua kerajaan PKR Selangor, kerajaan DAP Pulau Pinang dan kerajaan Pas Kelantan dan Kedah supaya pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen diadakan serentak atas sebab untuk menjimatkan masa dan wang.

Sebelum itu, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng berkata beliau hanya akan berjumpa dengan Abdul Aziz sekiranya PRU-13 serentak itu dilakukan tahun depan.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dilaporkan berkata Dewan Undangan Negeri Selangor tidak akan dibubarkan jika pilihan raya umum diadakan sebelum Jun tahun depan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629340>